

# Tun diugut bunuh dakwa ketua kerajaan 'thoghut'

Tiga individu keluar ancaman disyaki terbabit Daesh

Oleh Faris Fuad  
faris.fuad@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Ancaman untuk membunuh Tun Dr Mahathir Mohamad dan beberapa bekas menteri Kabinetnya adalah kerana mereka didakwa mengesetuai kerajaan 'thoghut'.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador, berkata ancaman itu dibuat tiga daripada enam individu yang ditahan polis pada awal tahun lalu.

Thoghut adalah istilah dalam Islam merujuk sesuatu yang disembah atau ditaati, selain Allah SWT.

"Enam suspek termasuk seorang warga Indonesia ditahan di sekitar sini, Selangor, Perak dan Pulau Pinang pada 6 dan 7 Januari 2020 kerana disyaki ter-

babit aktiviti Daesh.

"Mereka anggota Anshorul-lah At Tauhid, Sel Islamic State, ditubuhkan pada Oktober 2019 bertujuan mempromosi ideologi salafi jihadi, merekrut anggota baharu dan melancarkan serangan di Malaysia.

"Tiga daripada mereka, iaitu dua warga tempatan dan seorang warga Indonesia mengeluarkan ancaman itu (membunuh Dr Mahathir dan beberapa menteri Kabinet) sudah didakwa mengikut Seksyen 130JB(1)(a), iaitu mempunyai milik, jagaan atau kawalan bahan berkaitan kumpulan pengganas atau pengganas dan sudah dijatuhkan hukuman penjara.

"Tiga individu yang lain dibebaskan atas arahan Timbalan Pendakwa Raya," katanya dalam satu kenyataan malam kelmarin.

Dalam gerakan yang dilancarkan, beliau berkata, polis turut merampas dua bendera kumpulan Daesh, sebilah parang dan pisau dari kumpulan berkenaan.

"Mereka juga merancang un-



*"Tiga daripada mereka, iaitu dua warga tempatan dan seorang warga Indonesia mengeluarkan ancaman itu sudah didakwa mengikut Seksyen 130JB(1)(a).*

*Abdul Hamid Bador,  
Ketua Polis Negara*

tuk melancarkan serangan ke atas pusat perjudian di Genting Highlands, Pahang dan kilang arak di sekitar Lembah Klang.

"Merujuk kepada ancaman berkenaan, ia adalah hasrat yang sering dikeluarkan semua suspek pengganas dan kumpulan pro Daesh yang ditangkap oleh Cawangan Khas," katanya.

Abdul Hamid berkata, polis sentiasa menilai ancaman bunuh dan hasil siasatan menunjukkan tiada perancangan atau persediaan oleh suspek berkaitan ugutan membunuh pemimpin negara.

Terdahulu, media melaporkan Dr Mahathir diugut bunuh oleh seorang individu yang merancang melakukan serangan terhadap beliau sebelum negara melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), tahun lalu.

Yang turut diancam dibunuh ialah bekas Menteri Kewangan, Lim Guan Eng; bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa dan bekas Peguam Negara, Tan Sri Tommy Thomas.